

PERISYTIHARAN

YAYASAN PUSAT PEGUAM MUSLIM

YAYASAN PUSAT PEGUAM MUSLIM ADALAH ORGANISASI YANG BERKECUALIAN BERTUGAS MEMBERI BANTUAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG KEPADA SESIAPA YANG TIDAK MENDAPT Keadilan. dan melanggar hak asasi manusia daripada Kuatkuasa Undang-Undang oleh Kerajaan. Proses Rundingan Damai antara Kerajaan dengan kumpulan yang berbeza pandangan itu adalah agenda politik. Tetapi Yayasan Pusat Peguam Muslim memberi keutamaan terhadap perkara yang berkaitan dengan keadilan dalam masyarakat, menjaga hak kebebasan rakyat. kerana kami percaya bahawa di mana tidak ada keadilan di situ tidak akan lahir kedamaian. Pengutkuasa Undang-Undang yang tidak adil. menjadi sebab kepada penduduk tempatan tidak yakin dengan proses keadilan. dan ia melahirkan ketidak samaan dari segi ekonomi, sosial dan politik. dan akhirnya memberi kesan terhadap rakyat tempatan bahawa mereka tidak mendapat keadilan. dan rasa bahawa tidak boleh mencari jalan penyelesaian melalui sistem undang-undang.

Pemimpin agama adalah individu yang mendapat kepercayaan tinggi oleh masyarakat muslim tempatan. muslim dalam kawasan mempunyai perasaan mesra dan memberi kehormatan. memberi penghormatan terhadap pemimpin. oleh itu pemimpin agama harus mengguna potensi dan kebijaksanaan khas dalam menyelesaikan masalah dalam konteks situasi konflik. khususnya dalam menjaga hak orang Melayu Patani supaya berbangga dengan kehormatan dan maruah. termasuk hak dan persamaan sebagai warganegara.

YAYASAN PUSAT PEGUAM MUSLIM MERAYU KEPADA SEMUA PIHAK YANG MENGGUNA KEKERASAN DALAM KONFLIK DI PATANI MENGHORMATI UNDANG-UNDANG HAK ASASI KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (International Humanitarian Law, IHL) DENGAN MENITIK BERAT IMPAK TERHADAP ORANG AWAM DAN ORANG YANG TIDAK BERDOSA KHASNYA ORANG YANG LEMAH SEPERTI KANAK-KANAK, WANITA, WARGA TUA DAN ORANG CACAT.

DAN AKHIR SEKALI MERAYU SEMUA PIHAK MENGHORMATI KEBEBASAN BERFIKIR DAN MEMBERI PANDANGAN. SUPAYA BERSAMA MEMBINA KESEDARAN DALAM MENUNTUT HAK-HAK DAN Keadilan di bawah undang-undang yang menjadi sebagai budaya yang bernilai kepada masyarakat bagi penduduk Patani.